



**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN
NEGERI SELANGOR**

DOKUMEN TENDER

Projek :

**TENDER PERKHIDMATAN PENCUCIAN
DAN PEMBERSIHAN DALAMAN SERTA
PENGURUSAN MAJLIS DI DEWAN JUBLI
PERAK SULTAN ABDUL AZIZ.
BAGI 3 TAHUN 2020 – 2023.**

NO TENDER: T/SUKSEL/01-2020

Kontraktor :
(Cop kontraktor)

RM 50.00

HARGA DOKUMEN :

TARIKH TUTUP : 13.2.2020 (KHAMIS) 12.00 Tengahari
:

TARIKH TAKLIMAT : 23.1.2020 (KHAMIS) 10.00 Pagi
:

NO.

**PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR
URUS SETIA PEROLEHAN,
UNIT PENTADBIRAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 18, BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH,
40503 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.
www.selangor.gov.my**

ISI KANDUNGAN

1. Senarai Semakan
2. Jadual 1 - Kenyataan Tender
3. Jadual 2 - Arahan Kepada Petender
4. Lampiran A - Syarat-syarat Am
5. Lampiran A1 - Surat Akuan Pembida
6. Lampiran A2 - Surat Perwakilan Kuasa
7. Lampiran B - Syarat-syarat Tender
8. Lampiran C - Keterangan Mengenai Petender
9. Lampiran D - Surat Akuan Petender
10. Lampiran E - Jadual Penentuan Spesifikasi
11. Lampiran F - Jadual Tawaran Harga
12. Lampiran G - Borang Tawaran Tender
13. Lampiran H - Senarai Pengalaman Syarikat
14. Lampiran I - Senarai Kerja Yang Sedang Dilaksanakan
15. Lampiran J - Senarai Peralatan Yang Dimiliki
16. Lampiran K - Senarai Harga Yang Dipersetujui
17. Borang A - Laporan Penyelia Projek Atas Prestasi Kerja

SENARAI SEMAKAN

**TENDER PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN
DALAMAN SERTA PENGURUSAN MAJLIS DI DEWAN JUBLI PERAK SULTAN
ABDUL AZIZ. BAGI 3 TAHUN 2020 – 2023.**

Sila tandakan bagi dokumen-dokumen yang disertakan.

BIL	PERKARA/DOKUMEN	UNTUK DITANDA OLEH SYARIKAT	UNTUK DITANDA OLEH JAWATANKUASA PEMBUKA SEBUT HARGA
1	Muka hadapan dokumen tender telah dicop syarikat	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2	Lampiran A1 Dan A2 - Surat Akuan Pembida Dan Surat Perwakilan Kuasa	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3	Lampiran C - Keterangan Mengenai Petender	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4	Salinan Penyata Akaun Bank 3 Bulan Terkini Yang Telah Disahkan Oleh Pihak Bank (Oktober 2019 – Disember 2019)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5	Lampiran D - Surat Akuan Petender, Laporan Kewangan Syarikat (Audit)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6	Lampiran E - Jadual Penentuan Spesifikasi	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7	Lampiran F - Jadual Tawaran Harga	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8	Lampiran G - Borang Tawaran Tender	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
9	Lampiran H - Senarai Pengalaman Syarikat Yang Berkaitan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
10	Lampiran I - Senarai Kerja Yang Sedang Dilaksanakan	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
11	Lampiran J - Senarai Peralatan Yang Dimiliki	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
12	Lampiran K - Senarai Harga Yang Dipersetujui	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>

13	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
14	Salinan Sijil Kementerian Kewangan (Kod Bidang)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<p>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</p> <p>Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarikat-syarikat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen tender. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>		<p>UNTUK KEGUNAAN JABATAN</p> <p>Jawatan Pembuka tender mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. (jika ada).</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p> <p>Tandatangan :</p> <p>Nama :</p> <p>Jawatan :</p> <p>Tarikh :</p>	

NASKAH MEJA TERKAWAL

KENYATAAN TENDER

JADUAL 1

NASKAH MEJA TERKAWAL

KENYATAAN TAWARAN TENDER

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai tender berikut:

No./ Tajuk Tender	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Taklimat/ Lawatan Tapak	Tarikh Tutup Tender
<p style="text-align: center;">TENDER PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN DALAMAN SERTA PENGURUSAN MAJLIS DI DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ. BAGI 3 TAHUN 2020 – 2023. T/SUKSEL/01-2020</p>	<p style="text-align: center;">KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA</p> <p style="text-align: center;">- 221001 dan 221002 dan 221003</p>	<p style="text-align: center;">23 JANUARI 2020 (KHAMIS) 10.00 PAGI</p>	<p style="text-align: center;">13 FEBRUARI 2020 (KHAMIS) 12.00 TENGAH HARI</p>

2. Tawaran tender hendaklah **dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di Lampiran E yang disertakan.**
3. Tawaran tender yang lengkap dimasukkan ke dalam Peti Tawaran seperti butiran di bawah:

Alamat: **PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR**
UNIT PENTADBIRAN, BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
TINGKAT 18
BANGUNAN SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH
40503 SHAH ALAM SELANGOR

4. Syarikat yang memerlukan penjelasan lanjut mengenai tender tersebut, hendaklah menghubungi pegawai seperti berikut:

- | | | | |
|-----|--------------------------------------|---|-------------|
| 4.1 | En Shahrul Akmar Bin Mat Isa | : | 03-55447889 |
| 4.2 | Encik Azhar Bin Mohamed | : | 03-55212484 |
| 4.3 | Encik Muhamad Ruzaini Bin Abd. Rahim | : | 03-55447872 |

ARAHAN KEPADA PETENDER

JADUAL 2

NASKAH MEJA TERKAWAL

ARAHAN KEPADA KONTRAKTOR

**NO. SEBUTHARGA: T/SUKSEL/01-2020
TENDER PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN
DALAMAN SERTA PENGURUSAN MAJLIS DI DEWAN JUBLI PERAK
SULTAN ABDUL AZIZ. BAGI 3 TAHUN 2020 – 2023.**

1. KENYATAAN TAWARAN TENDER

1.1 Kelayakan Kontraktor

Tawaran ini adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang masih sah berdaftar seperti berikut :

Kementerian Kewangan

Kod Bidang 221001 dan 221002 dan 221003

- i. **Syarikat mestilah mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan di dalam skop kerja yang terlibat.** Kontraktor yang tidak mempunyai Gred, Kategori dan Pengkhususan tersebut, dokumennya akan ditolak.
- ii. **Mematuhi Perintah Gaji Minimum (Pindaan) 2018 yang telah diwartakan pada 28 November 2018 sebagai P.U.(A) 305.**
- iii. **Pemilik syarikat dan penama sahaja yang dibenarkan untuk menghadiri lawatan tapak wajib.**

1.2 Borang Tawaran Kepada Kontraktor

Kontraktor-kontraktor dikehendaki mengemukakan Dokumen Tender dalam Sampul Surat berlakri (Sealed Envelope). Sudut kiri sampul surat hendaklah di catit "**TENDER PERKHIDMATAN PENCUCIAN DAN PEMBERSIHAN DALAMAN SERTA PENGURUSAN MAJLIS DI DEWAN JUBLI PERAK SULTAN ABDUL AZIZ. BAGI 3 TAHUN 2020 – 2023.**" dan di kembalikan ke dalam peti tender di :-

**Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Tingkat 18, Bangunan SSAAS,
40503 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan.**

**Selewat-lewatnya pada jam 12.00 tengahari pada 13 FEBUARI 2020
(KHAMIS)**

Kontraktor-kontraktor dimestikan mengisi dengan sempurna borang-borang maklumat yang terdapat di dalam Tender ini dan kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan tawaran di tolak.

LAMPIRAN A

SYARAT-SYARAT AM**Dokumen Tender****1.0 TAKRIF**

Dalam Perjanjian ini dan jadual-jadual yang dilampirkan bersama, melainkan jika kandungan ayatnya mengkehendaki makna yang lain, istilah-istilah seperti yang dinyatakan selepas ini membawa pengertian yang berikut:

- a) Huruf ringkas "P.P." ertinya "**Pegawai Penguasa**" bermaksud **JURUTERA TEMPATAN** atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh **Kerajaan** untuk mentadbirkan **Perjanjian ini**;
- b) "**Tapak Kerja**" bermaksud premis bangunan **Bangunan Dewan Jubli Perak Sultan Abdul Aziz**.
- c) "**First Line of Maintenance**" bermakna tindakan segera yang perlu diambil oleh **Kontraktor** selepas menerima aduan atau kerosakan mana-mana sistem di **Tapak Kerja**.
- d) "**Penyelenggaraan Komprehensif (Comprehensive Maintenance)**" hendaklah termasuk semua aspek pencegahan (**Preventive Maintenance**), ramalan (**Predictive Maintenance**) dan pembetulan penyelenggaraan (**Corrective Maintenance**), pemantauan keadaan, pemeriksaan, servis, pembaikan dan penggantian, bekalan habis atau menaik taraf semua perkhidmatan, peralatan, pemasangan dan lekapan.
- e) "**Preventive Maintenance**" adalah rancangan/ jadual kerja yang telah ditetapkan untuk dilakukan pembaikan/ servis/ ujian bertujuan untuk mengurangkan kegagalan, kerosakan alam sekitar atau kemerosotan prestasi bagi memanjangkan jangka hayat peralatan.
- f) "**Predictive Maintenance**" adalah subset kepada **Preventive Maintenance** di mana kerja yang dijalankan untuk mengelakkan pembaikan besar, pemberhentian peralatan sebelum ia berlaku.
- g) "**Corrective Maintenance**" bermaksud kerja/ pembaikan/ servis/ ujian dijalankan selepas kegagalan yang telah berlaku dan bertujuan untuk mengembalikan fungsi peralatan agar berfungsi seperti yang direka.
- h) "**Fair Wear and Tear**" adalah kegagalan disebabkan oleh penggunaan panjang waktu operasi dan melebihi kriteria reka bentuk yang dimaksudkan.
- i) "**Kawasan Bersama**" ertinya kawasan yang biasa dinyatakan termasuk pelanggan, ruang seperti lobi, dewan, auditorium, koridor dan permukaan dalam dan di luar bangunan dan kawasan sekitar yang dikaitkan dengan bangunan seperti jalan, laluan pejalan kaki,

landskap, peralatan, struktur dan pemasangan terletak di dalam longkang perimeter atau pagar.

2.0 REPRESENTASI DAN WARANTI

Kontraktor dengan ini memberi representasi dan waranti kepada **Kerajaan** seperti berikut :

- 2.1 **Kontraktor** adalah sebuah syarikat yang wujud dan sah didaftarkan di bawah undang-undang di Malaysia.
- 2.2 **Kontraktor** mempunyai kuasa dan kemampuan untuk menandatangani **Tender ini** dan melaksanakan terma-terma yang terkandung di dalamnya;
- 2.3 **Kontraktor** telah mengambil langkah yang sah dan sempurna untuk memasuki serta melaksanakan obligasinya di dalam **Tender Ini**;
- 2.4 tiada tindakan undang-undang sama ada sivil atau jenayah , timbang tara, tuntutan cukai, pertelingkahan atau apa-apa prosiding pada ketika ini atau yang tertangguh atau di dalam pengetahuan, atau kemungkinan terdapat, yang mana begitu material dan akan secara langsung mempengaruhi kemampuan kewangan **Kontraktor** atau lain-lain obligasi di bawah **Tender Ini**;
- 2.5 **Kontraktor** mempunyai kemampuan kewangan dan teknikal untuk melaksanakan obligasinya menurut **Tender Ini**;
- 2.6 tiada amalan atau aktiviti rasuah, aktiviti haram atau aktiviti tidak sah yang digunakan bagi tujuan **Tender Ini**;
- 2.7 **Kontraktor** sedar dan mengakui bahawa **Kerajaan** telah memasuki **Tender Ini** bersandarkan representasi dan waranti yang diberikan oleh **Kontraktor** di bawah **Tender Ini**; dan
- 2.8 setiap representasi yang dinyatakan di dalam **Klausula 2.0** ini hendaklah kekal berkuatkuasa sepanjang tempoh perkhidmatan.

3.0 PEMERIKSAAN TAPAK

Dalam menyediakan harga tawaran, **Kontraktor** diandaikan telah melawat **Tapak Kerja** untuk memuaskan hatinya tentang keadaan dan skop kerja yang perlu dilaksanakannya dan juga telah mengambil kira keupayaan untuk menjalankan kerja-kerja berasaskan harga yang ditawarkan. Tiada tuntutan akan dilayan atas alasan kekurangan pengetahuan atau maklumat bagi kerja-kerja yang tidak dapat dilaksanakan setelah tawaran dibuat.

4.0 OBLIGASI KONTRAKTOR

4.1 Skop Kerja

4.1.1 Kontraktor adalah bertanggungjawab untuk mengekalkan semua aset dan peralatan untuk memanjangkan jangka hayat, sebagaimana didikehendaki oleh pengeluar/ pembuat.

4.1.2 Kontraktor hendaklah menyenggara bangunan dan persekitaran ke tahap yang selesa dan selamat kepada pelanggan dan pengguna mengikut spesifikasi perkhidmatan seperti di **Spesifikasi Kerja**.

4.1.3 Kontraktor hendaklah berhubung dengan semua pihak berkuasa yang berkaitan, utiliti dan lesen dan membekalkan semua bahan-bahan, peralatan, loji, kakitangan yang cekap dan tenaga kerja dan melaksanakan segala pengurusan dan penyelenggaraan Perkhidmatan, seperti yang dijelaskan dalam Syarat Am ini dan dalam penentuan itu untuk masing-masing perkhidmatan dan Ringkasan Tender dan Jadual Harga mengikut Artikel Persetujuan dalam tempoh **Kontraktor**.

4.1.4 Kontraktor adalah bertanggungjawab sepenuhnya ke atas semua peralatan yang terletak di **Premis Bangunan**. Apa-apa kerugian atau kerosakan peralatan disebabkan oleh kecurian, vandalisme dan kejadian lain yang berkaitan, kos pembaikan atau penggantian hendaklah ditanggung oleh **Kontraktor**.

- 4.1.5** Hanya kakitangan yang berkelayakan dan kompeten sahaja boleh diambil kerja untuk menjalankan penyelenggaraan semua kelengkapan dan peralatan.
- 4.1.6 Kontraktor** hendaklah meletakkan harga tendernya (Ringkasan Tender) mengikut item kerja di dalam jadual harga.
- 4.1.7** Semua peralatan, loji, alat, bahan, kerja-kerja, dan lain-lain, kecuali orang-orang yang dinyatakan dengan jelas dan menyatakan tidak perlu, hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam **Perjanjian Ini** dan hendaklah dibekalkan/ dilaksanakan oleh **Kontraktor**.
- 4.1.8** Kerja-kerja ini termasuk perkhidmatan berikut:
- i. Kerja Elektrik
 - ii. Kerja Civil
 - iii. Perkhidmatan Permbersihan
 - iv. Hygienic
 - v. Pengurusan majlis
- 4.1.9** Peralatan yang dipasang di tapak tetapi tidak dinyatakan di Jadual Penyelenggaraan dalam mana-mana bidang, tetapi apa sahaja yang dipasang, hendaklah diperiksa dan diselenggara untuk memastikan operasi yang cekap dan selamat pada setiap masa. Kekerapan pemeriksaan/ pemeriksaan hendaklah dilaksanakan pada setiap 6 (enam) bulan
- 4.1.10 Semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan (Defect Liability Period)**
- a. Semasa Tempoh Liabiliti Kecacatan, semua kecacatan dalam tempoh ini hendaklah dikenal pasti oleh **Kontraktor** sama seperti aduan yang dilaporkan di kawasan umum.
 - b. Dalam tempoh ini, **Kontraktor** adalah bertanggungjawab sebagai **First Line of Maintenance** bagi setiap Perkhidmatan di **Kawasan Bersama** dan aduan yang diterima. Bagi kerja pembaikan yang diklasifikasikan sebagai kecacatan, **Kontraktor** hendaklah mengemukakan laporan kecacatan kepada **P.P.** Jika timbul pertikaian pihak yang akan bertanggung jawab untuk memperbaikinya, perbezaan pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada **P.P.** Bagi kerosakan **Fair Wear and Tear**, **Kontraktor** hendaklah menjalankan kerja-kerja pembaikan/ penggantian jika diperlukan.

- c. Kerja-kerja ini termasuk perkhidmatan berikut:
 - i) Kerja Elektrik
 - ii) Kerja Civil
 - iii) Perkhidmatan Permembersihan
 - iv) Hygienic
 - v) Pengurusan majlis

4.1.11 Selepas Tempoh Tanggungan Kecacatan (**Defect Liability Period**), **Kontraktor** hendaklah menjalankan **Penyelenggaraan Komprehensif** seperti yang dijelaskan di dalam Skop Kerja berpandukan kepada Spesifikasi Kerja Perkhidmatan yang berkaitan.

4.1.12 Spesifikasi kerja, skop kerja dan jadual untuk setiap Perkhidmatan hendaklah menjadi asas dan dibaca bersama dengan Syarat Am ini, merangkumi :

- i) Spesifikasi Perkhidmatan Elektrik
- ii) Spesifikasi Perkhidmatan Civil
- iii) Spesifikasi Perkhidmatan *Pembersihan*
- iv) Spesifikasi Perkhidmatan *Hygiene*
- v) Spesifikasi Perkhidmatan Pengurusan Majlis

4.2 Masa Tindak Balas (*Response Time*) Dan Tempoh Kerja Pembaikan

4.2.1 **Response Time** akan bermula serta-merta selepas aduan diterima oleh **Kontraktor** melalui panggilan telefon, faks, e-mel atau permintaan kerja. Masa tindak balas tidak lebih dari 1 (satu) jam selepas aduan diterima kecuali pecahan lif yang perlu dihadiri dengan serta-merta selepas menerima aduan

4.2.2 Pembaikan masa akan bermula dari masa laporan diterima sehingga kerja selesai.

4.2.3 Bagi perkhidmatan pembaikan kecemasan, kerja-kerja pembaikan itu hendaklah dalam masa 24 jam.

4.2.4 Untuk kerja ***fair wear and tear***, masa pembaikan tidak boleh lebih dari 2 hari.

4.2.5 Bagi kerja-kerja pembaikan yang disebabkan oleh vandalisme, masa pembaikan tidak boleh melebihi 2 minggu.

4.2.6 P.P mempunyai kuasa untuk melantik **Pihak Ketiga** bagi melaksanakan kerja-kerja pembaikan tanpa sebarang notis jika **Kontraktor** gagal untuk mematuhi **Response Time/** pembaikan yang dinyatakan. Semua kos kerja yang dijalankan oleh **Pihak Ketiga** hendaklah diperolehi semula sepenuhnya daripada **Kontraktor**. 'Jadual Kadar Kerja Elektrik' terkini yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya hendaklah digunakan untuk menentukan kos kerja yang terlibat. **P.P.** turut berhak untuk mengguna pakai tatacara perolehan lain berpandukan kepada Arahan Perbendaharaan.

4.2.7 P.P. berhak untuk memotong bayaran perkhidmatan kerana **Corrective Maintenance/ Preventive Maintenance** yang dilakukan tidak mematuhi spesifikasi.

4.3 Aliran Kerja

4.3.1 Kontraktor hendaklah dengan serta-merta menilai dan memeriksa aduan yang diterima balas tidak lebih dari 1 (satu) jam selepas menerima aduan (**Response Time**).

4.3.2 Kontraktor hendaklah menentukan punca kerosakan dan mengklasifikasikan jenis kerosakan tersebut.

4.3.3 Kontraktor hendaklah melaksanakan kerja pembaikan kerosakan **fair wear and tear**.

4.3.4 P.P hendaklah memberi keputusan muktamad terhadap pengelasan kerja (kecacatan atau **Fair Wear and Tear**) jika terdapat pertikaian.

4.3.5 Kontraktor perlu mendapatkan tandatangan pengesahan daripada pengadu/ penyewa selepas kerja pembaikan telah disiapkan sempurna.

4.4 Pengesahan Siap Kerja

Semua kerja yang telah disiapkan hendaklah mempunyai maklumat seperti berikut:

- i) Gambar warna bertarikh diambil sebelum, semasa dan selepas kerja-kerja pembaikan
- ii) Borang Aduan yang telah ditandatangani oleh Pengadu.

Senarai kerja harian/ arahan kerja yang telah sempurna hendaklah dikemukakan kepada **P.P.** bagi tujuan pembayaran bulanan.

Kontraktor hendaklah mengemukakan Laporan Kerja setiap bulan sepanjang tempoh kontrak.

4.5 Rules, Regulations And Standards

4.5.1 Semua kerja yang dilakukan termasuk kakitangan **Kontraktor**, bahan dan kelengkapan hendaklah mematuhi kehendak-kehendak, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang berikut:

- i) Suruhanjaya Tenaga
- ii) Tenaga Nasional Berhad (TNB/ Lesen Bekalan)
- iii) Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan
- iv) Jabatan Alam Sekitar (JAS)
- v) Jabatan Kerja Raya (JKR)
- vi) Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS)
- vii) Jabatan lain, utiliti berkuasa/ pihak berkuasa tempatan. Lesen dan syarikat-syarikat yang mempunyai bidang kuasa ke atas Perkhidmatan dan kemudahan

4.5.2 Di samping itu, peraturan/ standard yang berikut hendaklah dipatuhi:

- i) Akta Bekalan Elektrik 1990;
- ii) Peraturan-Peraturan Elektrik 1994;
- iii) MS.IEC 364: 1996 atau BS 7671: 1992 (Peraturan Pendawaian IEE);
- iv) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam Selangor 1986;
- v) Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 514: 1994;
- vi) Standards Malaysia terkini dan / atau Standard IEC;
- vii) spesifikasi JKR dan standard;
- viii) mematuhi ketetapan dan peraturan yang ditetapkan oleh **P.P** atau wakilnya

4.5.3 Menjadi tanggungjawab **Kontraktor** untuk membuat permohonan kepada pihak berkuasa utiliti yang berkaitan/ pihak berkuasa tempatan, pihak berkuasa dan lesen berkaitan bagi menyempurnakan pelaksanaan kerja-kerja di dalam **Tender Ini**.

4.5.4 Penalti atau surcaj yang dikenakan oleh mana-mana pihak berkuasa/ lesen/ syarikat/ dan/ atau pihak berkuasa tempatan itu hendaklah ditanggung oleh **Kontraktor**.

- 4.5.5** Semua alat ganti atau gantian barang hendaklah baru, belum digunakan dan yang sama jenis serta kualitasnya. Sekiranya bahagian gantian alternatif telah digunakan, ia hendaklah mempunyai ciri-ciri yang serupa atau lebih baik daripada yang asal dan tertakluk kepada kelulusan **P.P.**
- 4.5.6** Seluruh Bangunan dan Perkhidmatan hendaklah pada setiap masa berada dalam keadaan selamat dan berfungsi, bebas daripada bahaya kepada nyawa dan harta benda. Semua kerja hendaklah dilaksanakan oleh pekerja yang cekap serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan.
- 4.5.7** Bahaya yang mungkin disebabkan oleh kebakaran hendaklah pada setiap masa dipantau dan tindakan pembetulan segera yang diambil. Dalam hal ini, perhatian khusus akan diberikan kepada menukar papan, papan agihan, papan kawalan, suis dan kabel / pendawaian penamatan dan kelengkapan
- 4.6 Peralatan Dan Kelengkapan Untuk Dibekalkan Oleh Kontraktor Dan Dianggap Dimasukkan Dalam Kontrak**
- 4.6.1 Kontraktor** dikehendaki untuk membekalkan peralatan atau kelengkapan (consumables) berikut:
- i) Lampu dan aksesori luminaires
 - ii) Bahan untuk Perkhidmatan Elektrik
 - iii) Kapas, bahan pencuci sabun dan bahan pencuci yang lain untuk tujuan pembersihan
 - iv) Bahan kimia untuk pembersihan dan detergen,
 - v) Sebarang gunahabis lain yang berkaitan dengan skop kerja di dalam kontrak ini.
- 4.7 Kakitangan Operasi**
- 4.7.1 Kontraktor** dikehendaki menyediakan bilangan pekerja yang mencukupi mengikut kumpulan kakitangan yang berkeelayakan dan kompeten bagi menyempurnakan **Kerja-Kerja Tersebut**. Ini bagi memastikan **Kerja-Kerja Tersebut** sentiasa berada dalam keadaan yang selamat dan dan beroperasi dalam keadaan baik serta dalam keadaan bersih, bersih dan sempurna:
- i) Penyelia - pemegang Ijazah dalam bidang Mekanikal / Elektrik / Awam dengan 2 tahun pengalaman yang berkaitan.

- ii) Juruteknik – Audio/ Video - pemegang Sijil dari Politeknik/ IKM/ ILP/
- iii) Wiremen – PW1
- iv) Pekerja Am
- v) Pekerja Pembersihan

- ❖ Kos untuk kakitangan penyelenggaraan seperti di atas hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam harga.
- ❖ **Kontraktor** bertanggungjawab untuk menyediakan bilangan kakitangan yang mencukupi selaras dengan ketetapan di dalam **Tender Ini** bagi melaksanakan **Kerja-Kerja Tersebut. P.P.** mengikut budi bicara mutlaknya boleh mengarahkan **Kontraktor** untuk menyediakan kakitangan tambahan untuk mematuhi skop kerja yang dinyatakan tanpa sebarang kos tambahan kepada **P.P.**
- ❖ **Kontraktor** hendaklah memberi notis bertulis sekurang-kurangnya satu (1) bulan untuk **P.P.** jika mana-mana kakitangan pengurusan tender peletakan jawatan mereka kepada syarikat. Kegagalan mematuhi, **P.P.** mempunyai hak untuk memotong daripada bayaran bulanan dengan sewajarnya.
- ❖ **Kontraktor** hendaklah memastikan dan mengesahkan bahawa semua kehadiran kakitangan di **Tapak Kerja** adalah benar dan mengikut carta organisasi **P.P.**
- ❖ **P.P.** mempunyai hak untuk menolak tanpa apa-apa notis jika **Kontraktor** gagal menyediakan jumlah kakitangan yang mencukupi mengikut carta organisasi **P.P.**

4.7.2 Semua kakitangan hendaklah ditempatkan di **Tapak Kerja** ini.

4.7.3 Waktu bekerja kakitangan adalah seperti yang berikut:

NO	Perkhidmatan	Isnin – Jumaat	Sabtu, Ahad dan Cuti Umum
1	Mekanikal	0800 to 1700	Tunggu Sedia Semasa Majlis
2	Elektrikal		
3	Awam		
4	Am dan Pembersihan		

Pada waktu yang lain (di luar waktu bekerja di atas), **Kontraktor** hendaklah bersedia untuk menerima panggilan dan boleh bertindak balas dengan segera apabila diperlukan. **Kontraktor** juga

hendaklah bersedia untuk tugas-tugas siap sedia semasa majlis dan acara-acara keraian.

- 4.7.4** Apabila mana-mana kerja-kerja pembaikan oleh **Kontraktor** tidak boleh dilaksanakan semasa waktu kerja seperti yang diminta oleh **P.P.**, kerja itu hendaklah dilaksanakan di luar waktu pejabat tanpa menuntut apa-apa kerja lebih masa kepada **P.P.**
- 4.7.5** Sekiranya **P.P.** membekalkan apa-apa alat ganti/ komponen untuk membaiki apa-apa kecacatan/ pemasangan/ peralatan, **Kontraktor** hendaklah, jika dikehendaki melaksanakan kerja pembaikan/ pemasangan yang perlu semasa waktu bekerja biasa tanpa sebarang kos tambahan kepada pelanggan
- 4.7.6** **Kontraktor** hendaklah menyediakan pakaian seragam yang mengandungi logo **Kontraktor** serta nama kakitangan yang dijahit pada pakaian seragam. Warna dan reka bentuk pakaian seragam yang hendaklah diluluskan oleh **P.P.** Kos menyediakan pakaian seragam hendaklah disifatkan sebagai termasuk dalam **Tender Ini**.
- 4.7.7** Kakitangan **Kontraktor** hendaklah dilengkapi dengan semua alat yang diperlukan, peralatan, peralatan ujian dan aksesori bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas keselamatan mereka secara profesional.
- 4.7.8** Ruang Pejabat untuk **Kontraktor**
P.P. hendaklah menyediakan ruang pejabat yang diperlukan dengan keluasan yang bersesuaian bagi **Kontraktor** untuk melaksanakan **Kerja-Kerja Tersebut**. Keperluan ruang pejabat akan ditentukan sebelum memulakan kerja.

4.8 Rekod Dan Laporan

- 4.8.1** **Kontraktor** hendaklah mengemukakan semua laporan bulanan yang diperlukan untuk **P.P.** dan semua laporan tersebut / rekod hendaklah ditandatangani oleh Penyelia. Laporan/ rekod itu juga hendaklah termasuk sijil/ rekod ujian dan hendaklah mempunyai tarikh dan masa aktiviti.
- 4.8.2** Kerosakan akibat aktiviti vandalisme, kecurian dan kemalangan di **Tapak Kerja**, **Kontraktor** dikehendaki untuk membuat laporan polis dan mengemukakan satu salinan laporan lengkap dengan gambar berkaitan untuk **P.P.** Apa-apa kos yang dilakukan adalah untuk ditanggung oleh **Kontraktor**.

4.9 Mutu Kerja

Kontraktor hendaklah menyediakan tenaga kerja mahir dan cekap dalam bidang masing-masing untuk menjalankan **Kerja-Kerja Tersebut** di bawah **Tender Ini** mengikut amalan kejuruteraan yang baik. Semua kerja hendaklah dijalankan dan diselia oleh kakitangan yang berkelayakan, cekap dan mahir mengikut kehendak pihak berkuasa yang berkaitan.

4.10 Peralatan Dan Bahan

4.10.1 Kontraktor hendaklah bertanggungjawab bagi keselamatan semua aset terletak di tapak sepanjang **Tempoh Perkhidmatan**.

4.10.2 Kontraktor hendaklah menyediakan 30% stok simpanan alat ganti/kelengkapan bagi peralatan yang mempunyai tahap kerosakan yang tinggi.

4.10.3 Semua alat ganti, bahan-bahan dan peralatan yang dibekalkan dan dipasang hendaklah baru dan belum digunakan serta berkualiti tinggi sebagai mengambil kira bentuk, pembuatan dan prestasi. Tiada peralatan atau bahagian yang telah dibaikpulih dibenarkan (**RECOND**).

4.10.4 Senarai Peralatan Yang Mesti Dimiliki

Penyedut Hampagas (Heavy Duty)	-	4 Unit
Low Speed (Scrubbing Machine)	-	1 Unit
High Pressure Cleaner	-	1 Unit
Portable Water Pump	-	2 Unit
Troli	-	3 Unit
Lain-lain peralatan yang perlu bagi menyempurnakan kerja		

4.11 Manual Operasi Dan Penyelenggaraan Dan Buku Alat Ganti

4.11.1 P.P. hendaklah menyediakan kepada **Kontraktor** satu set semua berkaitan "Operasi dan Penyelenggaraan Manual, dan Alat Ganti Buku" yang berada dalam milikannya untuk membolehkan **Kontraktor** membuat salinan yang sama untuk penggunaannya. Salinan yang dibuat adalah milik **P.P.** dan perlu dikembalikan pada akhir tempoh perkhidmatan **Kontraktor**.

4.11.2 Sekiranya **Kontraktor** memasang apa-apa kelengkapan baru atau menggantikan mana-mana peralatan, **Kontraktor** hendaklah membekalkan 4 set "Manual Operasi dan Penyelenggaraan, dan Alat Ganti Buku" untuk semua peralatan itu kepada **P.P.**

4.12 Akses P.P. Atau Orang Yang Dibenarkan Oleh P.P. Kepada Tender Ini

4.12.1 P.P. atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya hendaklah mempunyai akses kepada **Tender Ini** pada setiap masa. **P.P.** juga berhak untuk menguji, memantau, mengambil bacaan atau melakukan apa-apa kutipan data tersebut pada Perkhidmatan di hadapan kakitangan **Kontraktor**. **P.P.** juga boleh hadir untuk memerhatikan/ menimba operasi dan penyelenggaraan kerja-kerja **Kontraktor**. Semua bantuan dan kerjasama yang perlu akan dilanjutkan kepada **P.P.** oleh **Kontraktor**.

4.12.2 P.P. juga berhak untuk mengakses **Tender ini** untuk menjalankan **Kerja-Kerja Tersebut** sebagaimana yang difikirkan perlu apabila **Kontraktor** gagal untuk mematuhi **Tender ini** berkenaan dengan **Kerja-Kerja Tersebut**.

4.13 Penyerahan Pada Akhir Tempoh Kontrak

4.13.1 Pemeriksaan Awal Bersama

Kontraktor hendaklah mengatur pemeriksaan/ pengauditan bersama dengan dan **P.P.** untuk menentukan ketersediaan/ fungsi semua Perkhidmatan. Inventori dipersetujui dan senarai kecacatan hendaklah disediakan dan dikemukakan kepada semua pihak yang terlibat.

4.13.2 Pemeriksaan Akhir Bersama

Enam (6) bulan sebelum tarikh tamat **Tempoh Perjanjian**, **P.P.** akan melaksanakan pengauditan bagi menilai keadaan daripada **Kerja-Kerja Tersebut**. Pemeriksaan akhir bersama hendaklah dijalankan selama empat (4) minggu untuk memastikan bahawa kerja yang dinyatakan dalam pengauditan **P.P.** ini telah dijalankan. Apa-apa kerja yang belum dijelaskan itu hendaklah dilaksanakan oleh pihak ketiga dan pembayaran akan dibuat melalui potongan kepada apa-apa wang yang kena dibayar kepada **Kontraktor** di bawah **Perjanjian ini**. Sijil Siap Kerja (CPC) akan dikeluarkan kepada **Kontraktor** apabila semua kerja-kerja yang telah siap dengan memuaskan hati **P.P.** pada tarikh siap yang dinyatakan.

4.13.3 Kerja-Kerja Pembaikan Yang Tertangguh

Kontraktor melaksanakan penyerahan semua sistem dalam keadaan baik kepada Kontraktor Pengganti dan didokumenkan. Kegagalan untuk berbuat demikian, apa-apa kecacatan yang dikenal pasti oleh Kontraktor Pengganti dan **P.P.**, kos bagi semua kerja-kerja pembaikan akan ditanggung oleh **Kontraktor**.

4.14 Latihan Untuk Kontraktor Pengganti

Kontraktor hendaklah menyediakan latihan mengenai operasi dan penyelenggaraan semua perkhidmatan kepada Kontraktor Pengganti bagi tempoh sekurang-kurangnya satu (1) bulan sebelum tamat **Tempoh Perjanjian**.

4.15 Pelan Jaminan Kualiti

Kontraktor hendaklah memulakan pelan jaminan kualiti untuk menunjukkan pematuhan dengan keperluan **Tender Ini**. **P.P.** berhak untuk mengaudit mana-mana aspek sistem. Pengemukaan pelan jaminan kualiti kepada **P.P.** mesti menjadi syarat terdahulu sebelum memulakan kerja. (iaitu: Cadangkan struktur organisasi **Kontraktor**, program penyelenggaraan pencegahan, pemilihan dan pengujian bahan-bahan / peralatan, pemasangan penempatan, pentauliahan dan penyelenggaraan, pengurusan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan)

4.16 'Wang Peruntukan Sementara' (*Provisional Sum*)

Istilah Wang Peruntukan Sementara (*Provisional Sum*) yang disediakan dengan harga yang ditawarkan bermaksud jumlah wang itu untuk kerja atau untuk membekalkan barang atau bahan yang tidak boleh sepenuhnya diramalkan, yang ditakrifkan atau terperinci pada masa dokumen tender dikeluarkan dan jumlah wang itu boleh dibayar dan berkembang pada masa dan dalam apa-apa amaun yang memihak kepada mana-mana orang yang **P.P.** diarahkan. Jumlah wang itu jika tidak digunakan sama ada keseluruhan atau sebahagian hendaklah bagi jumlah yang tidak digunakan akan ditolak daripada jumlah kontrak. Nilai kerja yang dilaksanakan oleh **Kontraktor** berkenaan dengan Wang Peruntukan Sementara hendaklah ditentukan oleh **P.P.** Pada penyelesaian akaun nilai berkata apa kerja dilaksanakan hendaklah ditolak daripada Jumlah Peruntukan Sementara dan bakinya hendaklah ditambah kepada atau ditolak daripada Jumlah Harga Kontrak mengikut mana-mana yang berkenaan.

5.0 OBLIGASI KERAJAAN

Kerajaan hendaklah sepanjang tempoh **Perkhidmatan Ini**:

- 5.1 membuat pembayaran kepada pihak **Kontraktor** pada setiap bulan bagi **Kerja Tersebut** yang telah dijalankan pada satu bulan sebelumnya.
- 5.2 walau apapun peruntukan lain dalam **Tender Ini**, **Kerajaan** hendaklah berhak :
 - i. menyelia dan memantau **Kerja Tersebut** yang dilaksanakan oleh **Kontraktor**;
 - ii. mengubah dan meminda lampiran dalam **Tender Ini**, jika difikirkan perlu dengan tiada bayaran tambahan boleh dituntut oleh pihak **Kontraktor**; dan
 - iii. memberi apa-apa arahan berkaitan dengan pelaksanaan **Tender Ini** kepada **Kontraktor** dari semasa ke semasa.

6.0 INSURAN

- 6.1 **Kontraktor** akan dengan kosnya sendiri hendaklah menginsurankan **Kerja-Kerja Tersebut** sepanjang **Tempoh Perkhidmatan** dan apa-apa perlanjutan terhadap kehilangan atau kerugian oleh kemalangan, kebakaran, kecurian dan risiko-risiko lain yang biasanya dilindungi di bawah jenis perniagaan di mana **Kerja-Kerja Tersebut** pada masanya digunakan.
- 6.2 Semua polisi insuran akan diambil atas nama **Kerajaan** dan **Kontraktor** dan polisi insuran tersebut hendaklah polisi insuran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Salinan polisi insuran hendaklah diserahkan kepada Kerajaan untuk simpanan.
- 6.3 **Kerajaan** akan pada setiap masa memastikan penggunaan **Kerja-Kerja Tersebut** olehnya, perkhidmatannya dan/ atau ejennya tidak akan memprejudiskan perlindungan insuran oleh **Kontraktor**.
- 6.4 Sepanjang **Tempoh Perkhidmatan** ini, semua **Kerja-Kerja Tersebut** akan dilindungi insuran bagi satu kemalangan atau siri kemalangan yang berbangkit dari satu kejadian. Liputan bilangan kemalangan hendaklah tidak terhad.

7.0 PERATURAN KESELAMATAN

- 7.1 **Kontraktor** hendaklah sentiasa mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan keselamatan yang berkuatkuasa sekarang mahupun yang akan datang dan akan menanggung segala kos yang terlibat menguatkuasakannya.
- 7.2 Papan tanda amaran atau papan tanda yang sesuai hendaklah diletakkan sekiranya kerja pembersihan sedang dijalankan.
- 7.3 Atas sebab-sebab keselamatan, **Kontraktor** hendaklah mengemukakan butir-butir diri pekerja kepada **P.P.** serta memaklumkan dari semasa ke semasa padanya apa-apa pindaan ke atas maklumat yang diberi.

8.0 GANTI RUGI KEROSAKAN

- 8.1 **Kontraktor** hendaklah dengan serta merta memaklumkan kepada **P.P.** mana-mana kemalangan atau kerosakan yang berlaku di kawasan kerja.
- 8.2 **Kontraktor** hendaklah membayar ganti rugi kepada orang persorangan dan juga **Kerajaan** terhadap apa-apa tuntutan kerana kemalangan dan kerosakan yang disahkan telah disebabkan oleh kecuaiian **Kontraktor** atau pekerja semasa menjalankan perkhidmatan.

9.0 BAYARAN DENDA

Kontraktor bersetuju untuk menjelaskan denda-denda yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan kepada pihak **P.P.** jika ada kes yang melibatkan penemuan seperti jentik-jentik nyamuk di kawasan penyelenggaraan **Kontraktor** yang boleh mengakibatkan wabak penyakit.

10.0 PEMOTONGAN HARGA

Potongan harga akan dibuat berdasarkan ringkasan harga tawaran sekiranya,

- i. prestasi kerja yang dijalankan tidak memuaskan **P.P.** atau wakilnya;
- ii. bilangan pekerja yang tidak mencukupi di **Tapak Kerja** seperti yang disyaratkan;
- iii. **Kerja-Kerja Tersebut** tidak disempurnakan sepenuhnya; dan
- iv. tidak mematuhi perkara di dalam jadual harga dan skop kerja.

* Pemotongan bagi ketidakcukupan bilangan pekerja di tapak kerja akan digandakan sebanyak **2 kali ganda** nilai gaji seperti yang ditetapkan di Borang Tawaran.

* Contoh Pengiraan : Nilai gaji Pekerja Am (Seorang) : RM1,000.00/Bulan

: Nilai Pemotongan : **Gaji Sebulan x 2**

: **RM1,000.00 x 2 = RM2,000.00**

11.0 PENAMATAN PERJANJIAN

(a) Tanpa menjejaskan apa-apa hak atau remedi lain yang dipunyai oleh **Kerajaan**, jika **Kontraktor** melakukan kemungkiran mengenai mana-mana satu atau lebih daripada perkara-perkara yang berikut, iaitu:

- i. jika tanpa sebab yang munasabah dia menggantung perjalanan seluruh atau mana-mana bahagian **Kerja-Kerja Tersebut** sebelum siapnya **Kerja-Kerja Tersebut**;
- ii. jika dia gagal meneruskan **Kerja-Kerja Tersebut** dengan mengikut aturan dan tekunnya;
- iii. jika dia gagal melaksanakan **Kerja-Kerja Tersebut** mengikut **Perjanjian ini** atau berulang kali cuai menunaikan obligasinya di bawah **Perjanjian ini**; atau
- iv. jika dia mungkir atau berulang kali cuai mematuhi suatu notis bertulis daripada **P.P.** untuk menukar dan mengganti apa-apa kerja yang cacat atau bahan atau barang-barang yang tidak sesuai,

maka **P.P.** boleh memberi kepadanya suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan serah-hantaran yang direkodkan menyatakan kemungkiran itu, dan jika **Kontraktor** samada meneruskan kemungkiran itu selama empat belas (14) hari selepas penerimaan notis itu atau pada bila-bila masa selepas itu mengulangi kemungkiran itu (sama ada pernah diulangi dahulunya atau tidak), maka **Kerajaan** boleh dengan demikian itu melalui suatu notis yang dihantar dengan pos berdaftar atau dengan Serah-hantaran yang direkodkan menamatkan pengambilan kerja **Kontraktor** di bawah **Tender Ini**.

(b) Jika **Kontraktor**:

- i. melakukan suatu perbuatan kebankrapan;
- ii. menjadi tak solven atau membuat penyelesaian dengan pemiutang-pemiutangnya atau membuat perkiraan dengan mereka itu;

- iii. sebagai suatu syarikat, ia menghadapi suatu perintah penggulungan yang dibuat terhadapnya;
- iv. mempunyai seorang likuidator, penerima atau pengurus sementara bagi urusan atau pengusahaannya yang dilantik dengan sewajarnya, atau menyerahkan pemilikan supaya diambil bagi pihak pemiutang-pemiutang atau pemegang-pemegang debentur bercagar dengan gadaian terapung akan apa-apa harta yang terkandung dalam gadaian terapung atau tertakluk kepada gadaian terapung itu;
- v. didapati memperoleh **Kerja-Kerja Tersebut** dengan mengemukakan maklumat palsu dan/ atau maklumat tidak tepat dan/ atau melalui penipuan dan/ atau seumpamanya,

maka dengan memberi notis bertulis kepada **Kontraktor** dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya, **Kerajaan** boleh terus menamatkan **Tender Ini**.

(c) Dalam hal sekiranya pengambilan kerja **Kontraktor** di bawah **Perjanjian ini** ditamatkan di bawah subklausu (a) atau (b) **Klausu 10 Tenderini** :

- i. **Kerajaan** adalah berhak untuk memiliki semula **Tapak Kerja** dan **Kontraktor** hendaklah dengan serta-merta memberhentikan semua pekerjaan di **Tapak Kerja**, memindahkan kakitangan dan pekerjanya dari **Tapak Kerja** itu dan menyerahkan pemilikan **Tapak Kerja** itu dengan meninggalkan semua bangunan sementara, loji, perkakas, kelengkapan dan barang-barang di **Tapak Kerja** itu, kecuali hanya apa-apa yang diarahkan secara bertulis dengan khususnya pada bila-bila masa oleh **P.P.** supaya memindah keluar dari **Tapak Kerja** itu; dan
- ii. **Kerajaan** boleh menjalankan dan menyiapkan **Kerja-Kerja Tersebut** secara langsung oleh jabatan atau mengambil bekerja dan membayar seorang kontraktor atau orang-orang lain untuk menjalankan dan menyiapkan **Kerja-Kerja Tersebut** dan dia atau mereka boleh memasuki **Kerja-Kerja Tersebut** dan menggunakan semua bangunan sementara, loji, alat, kelengkapan, barang-barang dan bahan yang dicadangkan bagi **Kerja-Kerja Tersebut**, yang telah diserahkan dan diletakkan di tempat **Kerja-Kerja Tersebut** atau di tempat yang berdampingan dengan **Kerja-Kerja Tersebut**, dan boleh membeli semua bahan dan barang-barang yang perlu bagi menjalankan dan menyiapkan **Kerja-Kerja Tersebut**.

12.0 PENAMATAN ATAS SEBAB RASUAH, AKTIVITI HARAM ATAU TIDAK SAH

- 12.1 Tanpa prasangka kepada hak-hak lain, sekiranya **Kerajaan** berpuashati bahawa **Kontraktor**, kakitangannya, ejennya atau pekerja-pekerjanya telah disabit oleh Mahkamah atas rasuah atau aktiviti-aktiviti haram/ tidak sah berkaitan **Perjanjian ini** atau mana-mana Perjanjian lain dengan **Kerajaan**, maka **Kerajaan** hendaklah berhak untuk menamatkan **Perjanjian ini** pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis serta merta untuk kesan tersebut kepada **Kontraktor**.
- 12.2 Setelah penamatan tersebut, **Kerajaan** hendaklah berhak ke atas semua kerugian, kos, kerosakan dan segala perbelanjaan termasuk apa jua kos dan perbelanjaan berkaitan yang dialami oleh **Kerajaan** akibat daripada penamatan ini.

13.0 *FORCE MAJEURE*

- 13.1 **Kontraktor** atau **Kerajaan** adalah tidak bertanggung jawab bagi sebarang ketinggalan akibat daripada keadaan darurat seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, taufan, peperangan, bahaya laut atau kerana sebab-sebab atau bahaya yang di luar kawalan pihak-pihak kepada **Perjanjian ini** atau yang dianggap "**Force Majeure**". Apabila mana-mana pihak mula mengalami kesulitan untuk melaksanakan atau terpaksa menangguhkan pelaksanaan **Perjanjian ini** akibat daripada insiden-insiden ini, maka **Kontraktor** atau **Kerajaan** adalah berkewajipan memberitahu pihak yang satu lagi secara bertulis dalam masa empat puluh lapan (48) jam dari saat berlakunya insiden tersebut mengenai penangguhan tersebut dan mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah tersebut. **Kontraktor** atau **Kerajaan** juga hendaklah memberikan bukti-bukti yang munasabah kepada pihak yang satu lagi berkenaan insiden di atas berserta kesannya terhadap pelaksanaan **Perjanjian ini**.
- 13.2 Jika kedua-dua pihak meganggap kejadian "Force Majeure" itu adalah teruk atau berterusan untuk satu jangka masa yang boleh menggagalkan tujuan asal **Perjanjian ini**, maka pihak-pihak boleh bersetuju supaya **Perjanjian ini** ditamatkan atas bersetujuan bersama.

14.0 KERAHSIAAN

14.1 **Kontraktor** tidak boleh menzahirkan kepada mana-mana orang atau mana-mana pihak apa-apa maklumat yang ditemuinya atau yang dizahirkan kepadanya bagi maksud pelaksanaan **Perjanjian ini** di antara kedua-dua pihak, tanpa mendapat kelulusan bertulis terlebih dahulu daripada **Kerajaan**.

15.0 INDEMNITI

15.1 **Kontraktor** hendaklah menanggung rugi **Kerajaan**, pekerjaanya dan agennya bagi kehilangan atau kerosakan harta atau kecederaan diri atau kematian atau apa-apa tuntutan lain terhadap Kerajaan yang berpunca daripada tindakan, kecuaiannya atau ketidakjujuran **Kontraktor**, agennya atau mana-mana pekerja **Kontraktor**.

16.0 PENYERAHAN HAK ATAU INSOLVASI

16.1 **Kontraktor** tidak boleh memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian **Perjanjian ini** atau membuat apa-apa perjanjian kecil bagi tujuan **Perjanjian ini** dengan tidak terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis **Kerajaan**.

16.2 **Kontraktor** tidak boleh memberi milik kesemua atau mana-mana bahagian **Perjanjian ini** atau menerima milik, menggadai atau mempertanggungjawabkan apa-apa jua daripada wang yang kena dibayar di bawah **Perjanjian ini** atau apa-apa faedah yang terbit atau yang mungkin terbit dari **Perjanjian ini** tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan bertulis **Kerajaan**.

17.0 PINDAAN

Sebarang pindaan, tambahan atau perubahan kepada **Perjanjian ini** hanya akan berkuatkuasa sekiranya dibuat secara bertulis, disahkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak melalui perjanjian tambahan dan pindaan tambahan atau perubahan tersebut hendaklah menjadi sebahagian daripada **Perjanjian ini**.

18.0 TIMBANGTARA

